

**NO. SOALAN: 182**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD  
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

**SOALAN**

**DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian akan melakukan kajian terhadap peranan dan skop pelbagai agensi dibawah kawal selia Kementerian seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM), Jabatan Kerja Raya (JKR) agar tidak berlaku pertindihan fungsi dan peranan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah di tubuhkan dibawah Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 dengan peranan dan fungsi untuk merancang, mengawalselia dan mengkuatkuasakan perkara-perkara berkaitan pengangkutan awam darat antara lain merangkumi perkhidmatan bas, rel, teksi dan kereta sewa serta pengangkutan barang.
2. Antara fungsi SPAD yang diperuntukkan di dalam APAD 2010 adalah:
  - (a) menggalakkan, meningkatkan, memudahkan dan melaksanakan perkhidmatan pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, cekap, terancang, bersepadu dan mapan;
  - (b) memastikan penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam darat yang mampu dibayar oleh pengguna;
  - (c) menggubal dasar dan merancang segala segi perkhidmatan pengangkutan awam darat; dan
  - (d) menyelia dan mengawal selia pengangkutan awam darat mengikut undang-undang yang berkenaan.

3. Peranan yang dimainkan oleh SPAD adalah fokus kepada pengangkutan awam darat dan kenderaan perdagangan darat. Fungsi ini tidak dijalankan oleh agensi Kerajaan yang lain secara langsung. Walaubagaimanapun, SPAD sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan yang lain dalam melaksanakan perkara-perkara yang diperlukan tetapi bukan di bawah kuasanya.
4. Sebagai contoh, SPAD akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam urusan pembinaan infrastruktur yang berkaitan dengan pengangkutan awam seperti perhentian bas (*bus stand*).
5. Oleh itu, amat jelas bahawa fungsi setiap agensi adalah berlainan dan tidak bertindih, tetapi akan sentiasa bekerjasama bagi memastikan objektif suatu perancangan itu dicapai.

Sekian, terima kasih.